GENG KLIK!

PERCUMA



ISSN 2682 - 8863

SIRI 3 / 2021

MEMBUDAYAKAN AMALAN MENABUNG

RUKUN NEGARA



- Dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh.
- Terbahagi kepada dua bahagian iaitu CITA-CITA dan PRINSIP.
- Diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia.
- Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IV.
- Rukun Negara adalah satu visi bagi merealisasikan kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum-kaum utama di Malaysia semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

SIDANG REDAKSI

Diterbitkan oleh:

Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 13, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya.

Cetakan Pertama Siri 3 – 2021
Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

PENASIHAT
Dato' Mohd Sukari bin Ab. Hamid
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

KETUA EDITOR
Wan Azizah binti Wan Omar

EDITOR PENYELARAS
Norhazlinawati binti Mat

PELUKIS / REKA BENTUK
Boy, C'gu, Imran Topek, Jakall, Sidi, Ayong

DICETAK OLEH
Mungkal Multimedia Venture

ISI KANDUNGAN

SEMBANG GENG KLIK
Peribahasa 4



KENALI TOKOH
Dato Maharaja Lela 12



DRAMA UTAMA
Menabung Amalan Mulia 8



TIPS
(PdPR) ***Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah*** 15



SEMBANG GENG KLIK

Peribahasa




PACAT INGIN MENJADI ULAR
ORANG MISKIN BERLAGAK SEPERTI ORANG KAYA
WOW! BANYAKNYA MAK KIAH BELI BARANG.
ALA... MAK KIAH BANYAK DUITLAH.
BARANG SIAPA NI?
MAKCIK TU, DUIT DIA BAYAR SETAKAT NILAI SEPAPAN TELUR SAJA.


AIR DIGENGGAM TIADA TIRIS
SANGAT BERHATI-HATI MENGELUARKAN WANG
SAYA NAK YANG NI...
INI DAN INI...
SEMUA SEKALI RM50 SUDAHLAH.
SATU POKOK PUN HARGA RM100 MAKCIK.
RM100
RM50
RM20
INI

Kata Seerti & Sinonim








GENG KLIK!
Watak-Watak
ROX
BIDIN
MAN LEBAI
CHEMONG
BOB
DANISH
HANA
RAFIQI
KANANG
CIKGU ALI
LUCY LUI
RAJ
CIKGU AYU

MENABUNG AMALAN MULIA




TENGOK NI, TELEFON BARU AKU. MODEL TERKINI DAN VIRAL SEKARANG NI.
TELEFON KAMI MASIH ELOK BUAT APA NAK BAZIR BELI BARANGAN YANG BUKAN KEPERLUAN.
AKU ADA DUIT LEBIH, SEBAB ITU AKU BELI.
KALAU ADA DUIT LEBIH, LEBIH BAIK MENABUNG UNTUK KEPERLUAN DI MASA DEPAN.
BOSANLAH CAKAP DENGAN ORANG YANG TAK BERDUIT NI.
BEBERAPA HARI KEMUDIAN...
HANA, LUCY... MAIN APA TU? NAK MAIN SAMA-SAMA BOLEH?
KAMI TAK BERMAIN. KAMI SEDANG BACA BUKULAH.


KAU ORANG TENGOK NI, CANTIK TAK?
PATUNG WATAK HULK LAGI? DULUKAN DAH ADA.
DULU DARI WATAK FILEM LAMA, INI VERSI TERKINI.
SAMA SAJA, HULK JUGA. MEMBAZIRLAH.
AH, KAU ORANG PEREMPUAN APA TAHU...!
KALAU SAMA TAK PAYAH BELI LAGI. MEMBAZIR SAJA. DUIT YANG ADA TU ELOK DIGUNAKAN UNTUK BELI BENDA YANG PENTING.
ATAU DUIT TU DIGUNAKAN UNTUK BAYAR YURAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE LANGKAWI KITA NANTI.
TADI CIKGU AYU UMUMKAN ESOK ADALAH TARIKH AKHIR UNTUK BUAT BAYARAN. SIAPA TAK BAYAR TAK BOLEH PERGILAH.
BAGUS!
WAH, KE LANGKAWI KITA, ROX.
ALAMAK, AKU TERLUPA TENTANG LAWATAN TU. ADUH, MACAM MANA NI?
HA, CEPATLAH PERGI BAYAR YURAN TU.
NAK BAYAR DENGAN APA? SEMUA DUIT DAH HABIS AKU BELI BASIKAL, MAINAN DAN TELEFON!


MAK AYAH KAU TAK BAGI DUIT KE UNTUK BAYAR YURAN TU?
BAGI, TAPI DAH HABIS AKU BELANJA.
JANGAN RISAU, AWAK BOLEH SERTAI LAWATAN KE LANGKAWI TU.
TAPI AKU TAK MAMPU BAYAR YURAN TU...
KAMI DAH BINCANG DENGAN AHLI KLIK DAN SEPAKAT UNTUK BAYARKAN DULU YURAN LAWATAN UNTUK KAU.
TOLONGLAH! AKU NAK SANGAT PERGI LANGKAWI DENGAN KAMU SEMUA, MACAM MANA NI?
AKU BETUL-BETUL MENYESAL SEBAB BOROS DAN TIDAK MENABUNG.
BANYAK DUIT KAU ORANG?
KAMI GUNA DUIT TABUNG MASING-MASING. ITULAH HIKMAH MENABUNG. BOLEH GUNA DUIT TU UNTUK WAKTU KECEMASAN MACAM NI.
BAIKNYA HATI KAMU SEMUA.
WAA! TERHARUNYA. TAK SANGKA KAMU SEMUA SAYANG AKU. TERIMA KASIH! WAA!
DAH! JANGAN MENANGIS LAGI. LEPAS INI RAJIN-RAJINLAH MENABUNG.
LAGI SATU JANGAN LUPA BAYAR BALIK DUIT KAWAN-KAWAN TU.
TAMAT!

Kenali Tokoh

Dato Maharaja Lela



Pandak Limo bin Machang Lela Tok Mahmud adalah nama sebenar buat individu yang memegang gelaran Dato Maharaja Lela di Pasir Salak. Beliau berketurunan Daeng Salili, putera Raja Bugis yang berasal dari Daerah Luwuk, Sulawesi. Darah pahlawan Bugis yang berani semestinya mengalir di dalam dirinya.

Seperti Daeng Selili, Pandak Limo juga telah menerima gelaran yang sama iaitu Dato Maharaja Lela dan beliau punyai peranan yang amat penting dalam menentang kerajaan British di negeri Perak.

Dato Maharaja Lela ialah Orang Besar Kelapan Perak dan merupakan seorang penghulu di Pasir Salak yang begitu dihormati oleh penduduk. Keprihatinan Dato Maharaja Lela dalam membela nasib rakyat dan menghalang gangguan British telah mendapat sokongan ramai.


Pada 14 Disember 1874, J.W.W. Birch telah dilantik sebagai Residen Negeri Perak selepas termetrainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. J.W.W. Birch diberi tugas sebagai penasihat kepada semua perkara dalam pentadbiran negeri Perak kecuali perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

J.W.W. Birch tidak dapat berhubung baik dengan masyarakat setempat kerana tidak boleh berbahasa Melayu. Beliau juga jahil mengenai adat istiadat Melayu serta memandang rendah kepada kebolehan Sultan dan pembesar-pembesarnya.

Faktor Penentangan Kepada J.W.W. Birch

- **Mengambil Hak Mengutip Cukai**
- **Memperkenalkan Cukai Baharu**
- **Mencabar Ketuanan Melayu**
- **Mencabuli Adat Resam Melayu**

Tindakan J.W.W. Birch yang sedemikian telah ditentang oleh Dato Maharaja Lela dan Sultan Abdullah. Akibatnya pada waktu subuh 2 November 1875, J.W.W. Birch telah diserang oleh Seputum, Che Gondah dan Ngah Ahmad. Dalam serangan itu, J.W.W. Birch telah mati dibunuh.





Pembunuhan J.W.W. Birch menyebabkan Inggeris menyerang Pasir Salak dan pencerobohan Inggeris itu membawa kepada tercetusnya peperangan yang besar di antara kedua belah pihak.

Pada 7 November 1875, Inggeris telah menghimpunkan satu angkatan tentera yang besar lalu menyerang Pasir Salak tetapi tidak berjaya. Menyedari akan tentangan orang-orang Melayu yang begitu hebat, pihak berkuasa Inggeris di Negeri-negeri Selat telah meminta bantuan tentera dari India dan Hong Kong. Serangan kedua dilancarkan dengan menggunakan kapal perang dan askar-askar yang lengkap bersenjata serta berjaya menawan Pasir Salak pada 15 November 1875. Sesungguhnya pembunuhan J.W.W. Birch ini telah dijadikan alasan utama dan memberi peluang keemasan kepada penjajah Inggeris mencerobohi dan menakluki negeri Perak menggunakan kekerasan tentera.



Pada 3 Mac 1876, satu perbicaraan telah diadakan di Bandar Baru, Perak ke atas Seputum, Che Gondah dan Ngah Ahmad yang dituduh membunuh J.W.W. Birch. Ketiga-tiga tertuduh ini telah dibicarakan di hadapan Raja Deris yang dilantik oleh Sultan Abdullah untuk menghakimi perbicaraan itu. Setelah mendengar keterangan daripada saksi-saksi, Raja Deris menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas Seputum dan hukuman penjara seumur hidup ke atas Che Gondah dan Ngah Ahmad. Dato Maharaja Lela telah diburu dan akhirnya ditangkap dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati pada 20 Januari 1877 kerana merancang pembunuhan tersebut.

Tips! (PdPR)

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH

- Tidur awal untuk mendapatkan tenaga dan bangun awal.
- Patuhi jadual PdPR. Set masa/*alarm* untuk bersedia mengikuti kelas PdPR.
- Pilih tempat yang senyap dan tiada gangguan agar boleh fokus.
- Siapkan segala bahan sebelum kelas bermula.
- Peka dengan tugasan yang diberikan oleh guru sama ada secara *online* atau *offline*.
- Ambil bahagian dan proaktif di dalam kelas PdPR bersama guru anda.



TEMPAT SEJARAH

MUZIUM PERANG PULAU PINANG

(PENANG WAR MUSEUM)

Muzium Perang Pulau Pinang (*Penang War Museum*) pada asalnya merupakan sebuah Kubu Pertahanan British yang dibina pada tahun 1930 oleh pihak British di bawah penyeliaan *The Royal British Engineers* dengan menggunakan tenaga buruh tahanan-tahanan pihak British yang dibawa dari penjara-penjara koloni daripada tanah jajahan British yang lain. Pembinaan kubu perang ini siap sepenuhnya pada Oktober 1939, dan merupakan persiapan pihak British untuk menghadapi Perang Dunia Ke-2 di Malaya.



Dengan pemilihan lokasi yang strategik, kubu perang ini dibina di atas Bukit Batu Maung (di bahagian Tenggara Pulau Pinang) dengan ketinggian 250 kaki dari paras laut. Daripada kedudukan tersebut, kubu perang ini membolehkan pihak British mengawasi hampir tiga perempat Pulau Pinang dan musuh dari laut. Selain itu, kubu ini juga berfungsi sebagai pertahanan laut untuk melindungi Pulau Pinang daripada musuh yang datang dari arah Utara Selat Melaka.

Apabila tercetusnya Perang Dunia Ke-2 di Tanah Melayu, kubu perang ini telah diambil alih oleh pihak Jepun dan dijadikan sebagai Kem Tahanan (*"Prisoners of war camp"*). Lokasi strategik di Batu Maung ini telah menjadikan kem ini beroperasi secara rahsia selama 3 tahun dan 8 bulan. Tahanan-tahanan perang yang dianggap aset oleh pihak Jepun akan dibawa ke kem ini dan diseksa untuk mendapatkan maklumat.





Dengan keluasan tapak kubu perang sebanyak 20 ekar, pada hari ini, Muzium Perang Pulau Pinang memaparkan sebanyak 37 buah peninggalan perang yang mengandungi terowong bawah tanah dan lengkap dengan sistem pengudaraan, tempat penyimpanan senjata, menara tinjau, berek-berek askar, tapak meriam, rumah memasak dan banyak lagi.

Sejak pengunduran Jepun dari Tanah Melayu, kubu ini kekal menjadi rahsia dan telah berubah menjadi monumen

tersembunyi kerana telah ditinggalkan selama hampir 60 tahun. Kubu ini mula dibersihkan dan dipulihara oleh pengasas muzium, Encik Johari bin Shafie dan dibuka kepada umum pada tahun 2002. Dengan semangat cinta akan tanah air, Muzium Perang Pulau Pinang diasaskan sebagai sebuah institusi penyampaian semangat-semangat patriotisme kepada para pelawat, dan kini merupakan sebuah muzium perang terbuka yang hidup dan yang pertama ("*The First Outdoor Living War Museum*") di Asia Tenggara.




Keunikan muzium ini dapat dirasai oleh pengunjung kerana ia tidak seperti muzium lain dimana pengunjung akan melawat bilik pameran yang berhawa dingin. Di sini, para pengunjung akan mendapat pengalaman "*on-ground*" apabila menjelajah peninggalan-peninggalan perang dan melihat sendiri tapak sebenar kubu pertahanan perang yang asli. Pengunjung juga dapat melihat peninggalan menarik yang masih kekal dan dipelihara seperti kawasan tentera Jepun melaksanakan hukuman pancung.

Usaha pihak pengurusan muzium ini sangat dihargai kerana masih mengekalkan rupa asal tapak kubu bagi memudahkan pengunjung merasai pengalaman sebenar pada zaman tersebut.

Dengan usaha keras oleh Encik Johari bin Shafie dalam memulihara peninggalan perang ini, Muzium Perang Pulau Pinang telah diiktiraf oleh perbadanan muzium-muzium perang antarabangsa dengan menjadi anggota *The Founding Members of The International World War II Museum Association* (IWMA), pada tahun 2015 yang beribu pejabat di Beijing, *People's Republic of China*.

AKTIVITI

Cari Benda Tersembunyi



1. BENANG
2. MATA KAIL
3. KARIPAP
4. JARUM
5. BERUS GIGI
6. PISAU
7. KASUT
8. EPAL
9. SUDIP
10. KAPAL

Kenali Perdana Menteri Malaysia



TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
(1903 - 1990)

Perdana Menteri Malaysia Pertama
31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970



TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
(1922 - 1976)

Perdana Menteri Malaysia Kedua
22 September 1970 hingga 14 Januari 1976



TUN HUSSEIN ONN
(1922 - 1990)

Perdana Menteri Malaysia Ketiga
15 Januari 1976 hingga 16 Julai 1981



TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(1925)

Perdana Menteri Malaysia Keempat
16 Julai 1981 hingga 30 Oktober 2003



TUN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
(1939)

Perdana Menteri Malaysia Kelima
31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009



DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
(1953)

Perdana Menteri Malaysia Keenam
3 April 2009 hingga 9 Mei 2018



TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(1925)

Perdana Menteri Malaysia Ketujuh
10 Mei 2018 hingga 24 Februari 2020



TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASIN
(1947)

Perdana Menteri Malaysia Kelapan
1 Mac 2020 hingga 21 Ogos 2021

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
(1960)

Perdana Menteri Malaysia Kesembilan
21 Ogos 2021 hingga kini

Kata-kata Hikmah

"Jangan simpan selepas berbelanja, belanjalah selepas menyimpan."
- Warrant Buffet

"Kehidupan membazir dan tamak akan mendorong manusia ke arah kebinasaan."
- Laozi

"Berfikirlah untuk hari esok, namun bertindaklah hari ini."
- Mahatma Gandhi

"Seseorang yang berani membuang satu jam waktunya tidak mengetahui nilai dari kehidupan."
- Charles Darwin.





MATA WANG NEGARA-NEGARA ASEAN

Malaysia
Ringgit

Kemboja
Riel

Singapura
Dolar Singapura

Indonesia
Rupiah

Brunei
Dolar Brunei

Filipina
Peso

Vietnam
Dong

Laos
Kip

Thailand
Baht

Myanmar
Kyat



IMBAS SAYA

M.009 (B.M) OKTOBER 2021 (0.005)